

## **ISLAM DI DUNIA KONTEMPORARI BARU**

Aiman Mahmad Nor  
Mohammad Syahmi Fakharazi  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Mahmad Nor, A. Fakhrazi, M. S., & Jasmi, K. A.(2012). Islam di Dunia Kontemporari Baru in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 263-282. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Pada zaman kontemporari, terdapat beberapa perubahan tentang pandangan terhadap Islam dan pengajian Islam. Islam pada zaman kontemporari ini membincangkan tentang Islam pada zaman tradisional dan Islam pada zaman kontemporari. Islam tradisional menerangkan bagaimana agama Islam diterapkan dalam kehidupan seharian melalui cara tradisional. Setelah zaman berlalu, berlaku sedikit penyelewengan fahaman pada sesetengah orang Islam atau disebut millenialisme. Selain itu, dari segi politik pula, Islam kini selalu dikaitkan engan keganasan dan disini juga berlaku usaha untuk memodenasikan Islam. Selepas itu Islam melalui jangka masa dimana Islam mula bangkit dan timbul konsep fundamentalisme. Islam pada zaman kontemporari juga menyentuh tentang aspek sosial, iaitu di mana Barat banyak mempengaruhi kehidupan orang Islam pada zaman ini, kemiskinan di negara Islam tertentu dan juga dalam masyarakat Islam itu sendiri banyak memesongkan orang Islam. Selain itu, pergolakan rumah tangga, pengaruh rakan serta bahan dan kelakuan lucah banyak mempengaruhi orang Islam pada zaman kontemporari.

# **ISLAM DI DUNIA KONTEMPORARI BARU**

**Aiman Mahmad Nor  
Mohammad Syahmi Fakharazi  
Kamarul Azmi Jasmi**

## **ABSTRAK**

*Pada zaman kontemporari, terdapat beberapa perubahan tentang pandangan terhadap Islam dan pengajian Islam. Islam pada zaman kontemporari ini membincangkan tentang Islam pada zaman tradisional dan Islam pada zaman kontemporari. Islam tradisional menerangkan bagaimana agama Islam diterapkan dalam kehidupan sehari-hari melalui cara tradisional. Setelah zaman berlalu, berlaku sedikit penyelewengan fahaman pada sesetengah orang Islam atau disebut millennialisme. Selain itu, dari segi politik pula, Islam kini selalu dikaitkan dengan keganasan dan disini juga berlaku usaha untuk memodenasikan Islam. Selepas itu Islam melalui jangka masa dimana Islam mula bangkit dan timbul konsep fundamentalisme. Islam pada zaman kontemporari juga menyentuh tentang aspek sosial, iaitu di mana Barat banyak mempengaruhi kehidupan orang Islam pada zaman ini, kemiskinan di negara Islam tertentu dan juga dalam masyarakat Islam itu sendiri banyak memesongkan orang Islam. Selain itu, pergolakan rumah tangga, pengaruh rakan serta bahan dan kelakuan lucu banyak mempengaruhi orang Islam pada zaman kontemporari.*

## **PENGENALAN**

Pandangan dan pengajian Islam pada zaman kontemporari berlaku sedikit perubahan. Pengajaran Islam tidak akan ketinggalan kerana ia sentiasa dapat seiring dengan zaman. Itu adalah salah satu perkara yang indah pasal Islam. Terdapat beberapa aspek yang perlu dipahamkan. Antara

yang penting adalah seperti dikatakan oleh Seyyed Hossein Nasr (2003) dalam bukunya Islam-Religion, History and Civilization addalah Islam tradisional kini, millennialism, kebangkitan semula dan “fundamentalisme”, kecendurungan modenisasi. Saya juga ingin menyentuh beberapa aspek lain seperti sosial, ekonomi, dan politik. Pelbagai fahaman dan gerakan berlaku semasa zaman komtemporari. Pandangan manusia terhadap Islam terutamanya Barat juga berubah sepanjang zaman ini. Islam pada zaman kini kebanyakannya dipengaruhi oleh budaya Barat yang dikatakan budaya yang moden dan maju tetapi sebenarnya banyak menimbulkan kesusahan kepada seluruh umat Islam dalam dunia. Selain itu, terdapat juga ajaran yang terpesong akibat tekanan untuk memajukan umat Islam.

## **ISLAM TRADISIONAL**

Banyak pengajian Islam pada zaman kini lebih menfokuskan kepada modenis dan “fundamentalisme”. Pengamalan Islam tradisional masih lagi diguna pakai oleh ramai umat Islam di dunia ini. Islam tradisional banyak tidak disetujui oleh beberapa pihak di dunia ini (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Selalunya, agama ini tidak akan terus dengan cara yang sama apabila zaman berubah.

*Christianity had the Protestant Reformation in the sixteenth century and aggiornamento in the Catholic Church in the 1960s. Judaism has also witnessed the rise of both the Reform and the Conservative schools, at least in the West.*

(Seyyed Hossein Nasr, 2003: 173)

Ini adalah contoh yang paling kita boleh nampak, iaitu agama kristian dimana ia berpecah menjadi 2. Agama kristian dan yahudi asalnya tidak berpecah belah tetapi akibat zaman dan perbezaan pendapat sesama mereka menyebabkan mereka berpecah belah. Perubahan seperti ini tidak berlaku kepada agama Islam. Islam tetap sama tanpa berlakunya transformasi dengan cara kehidupan agama dan tradisi yang masih dapat diterima oleh manusia. Modenisasi dan “fundamentalisme” yang

diterima oleh sesetengah tempat membuatkan Islam tradisional menjadi lemah. Walaubagaimanapun, teologi memahami hal-hal dunia ini daripada Islam tradisional lebih kuat daripada pandangan modenisasi dan “fundamentalisme” (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

Masih ada sekumpulan majoriti di dunia ini mengamalkan Islam tradisional. Gaya dan perjalanan hidup mereka adalah berdasarkan peristiwa-peristiwa dalam sejarah atau tradisi Islam yang difahami oleh orang Islam (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Sekolah agama, madrasah tetap terus diadakan untuk melahirkan para ulama. Madrasah adalah:

*A place of study, a school or college, usually for religious education and early associated with mosques. A madrasah was both a place of study and a residence for students and teachers. It was often subsidized by the charitable endowment of a waqf and was the foundation of Islamic learning, teaching literacy through the study of Qur'a'n and hadi' th.*

(Newby G. D., 2002: 134)

Ahli sufi pula semakin berpengaruh kepada masyarakat yang mengamalkan Islam tradisional. Sekarang, ahli sufi semakin berpengaruh dikawasan yang berpendidikan seperti mesir. Ahli sufi tidak bersetuju dan menentang terhadap modenisasi dan anggapan fundamentalisme.

Beberapa dekad yang lalu, Islam tradisional semakin sukar untuk difahami oleh penkaji Islam dari barat (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Orang barat hampir menolak sepenuhnya kontemporari Islam tradisional dan banyak menumpukan kepada modenisasi dan fundamentalism. Kini, Islam tradisional membuat buku dalam bahasa yang lebih mudah difahami untuk orang barat dan seluruh dunia terutamanya eropah, iaitu bahasa inggeris, perancis dan pelbagai lagi. Bahasa Inggeris dan perancis ada antara bahasa yang digunakan oleh orang muslim di Pakistan, Bangladesh, dan Africa Utara untuk perbincangan intelek, Cendiakawan dan ulama barat kini semakin mengambil berat tentang Islam tradisional kerana terdapat sedikit perbezaan pendapat antara Islam tradisional dengan Islam yang fundamentalisme.

Untuk memahami Islam sepenuhnya di dunia kontemporari, kita hendaklah memahami dahulu cara hidup Islam tradisional. Kita hendaklah mengambil kira pandangan dunia berdasarkan al-Quran. Kita juga

perlu percaya bahawa al-Quran itu khalam Allah dan mengambil nabi sebagai model dalam hidup kita disamping mempelajari ilmu-ilmu dan mempercayai kesahihan shariah, tariah atau sufi.

Pada masa sekarang, ramai ulama atau orang yang berkuasa berusaha untuk membangkitkan cara hidup orang Islam melalui cara tradisional agar umat Islam mengamalkan cara hidup Islam sepenuhnya dan bukan mengambil pandangan dan model bukan Islam Seyyed Hossein Nasr, 2003). Perasaan ini juga berlaku pada tahap sosiopolitik yang membawa kepada konsep kebangkitan semula dan fundamentalisme. Islam tradisional bukan sahaja menentang modenisme tetapi kepada konsep kebangkitan semula yang diusahakan menggunakan ideologi dan pemikiran bukan Islam tetapi bertindak menggunakan nama Islam (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

## AJARAN SESAT DAN MILLENIALISME

Berdasarkan kepada Seyyed Hossein Nasr (2003) dalam bukunya Islam-Relegion, History and Civilization, Milenialisme mula timbul pada awal abad ke 13/19. *Although the principle of millennialism is part of traditional Islam, its manifestation in history in its specifically Islamic form as Mahdism has usually stood against traditional institutions* (Seyyed Hossein Nasr, 2003: 177). Mahdism mula timbul dan membri impak besar kepada umat Islam terutama nya dikawasan barat india hingga ke afrika malah ke Negara-negara Islam lain. Beberapa orang cendiakawan ataupun berilmu menistiharkan diri mereka sendiri sebagai imam Mahdi. Berdasarkan Wikipedia (2012):

*Kemunculan Imam Mahdi bukan kerana kemahuan Imam Mahdi itu sendiri melainkan kerana takdir Allah yang pasti berlaku. Bahkan Imam Mahdi sendiri tidak menyedari bahawa dirinya adalah Imam Mahdi melainkan setelah Allah S.W.T. meng islahkannya dalam suatu malam, seperti yang dikatakan dalam sebuah hadis berikut: "Telah bersabda Rasulullah s.a.w., "Al-Mahdi berasal dari umatku, yang akan diislahkan oleh Allah dalam satu malam."*

(Ahmad dan Ibn Majah)

Imam mahdi sebenarnya tidak mengetahui bahawa dirinya ialah imam mahdi. Jika seseorang itu meistiharkan dirinya imam Mahdi, tidakkah dia terpesong jauh. Semasa askar-askar napoleon menyerang Mesir, muslim muslimat sedar akan kuasa orang barat yang semakin kuat.

*Such famous charismatic leaders as ‘Uthmān dan Fadio (who lived somewhat earlier) in West Africa, ‘Abd al-Karīm in the Atlas Mountains of North Africa, and the grand Sanūsī in Cyrenaica had a millennialist dimension to their mission, and the Mahdī of the Sudan, mentioned earlier, claimed directly to be the promised Mahdī .*

(Seyyed Hossein Nasr, 2003: 177)

Mahdi of the Sudan yang dikatakan juga dikenali sebagai Muhamad Ahmad di sudan yang mengelarkan dirinya sebagai Imam Mahdi yang dijanjikan apabila akhir zaman. Muhammad Ahmad dilahirkan pada Ogos 12, 1844 dan meninggal pada tarikh Jun 22, 1885. Muhammad Ahmad mengelarkan dirinya sebagai Imam Mahdi pada Jun 29, 1881, Wikipedia bahasa melayu, (2012). Pengerakan agama seperti Sayyid Muhammad diterajui oleh Muhammad Ahmad yang disebutkan sebelum ini, dan ajaran Bahai juga muncul yang juga asalnya daripada *Mahdism* (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

Pegerakan tersebut semakin berkurang sejak akhir abad ke 19, tetapi kembali muncul semasa Revolusi Iran 1979. Beberapa abad yang lalu di iran, terdapat pengerakan yang mengatakan ketua mereka itu adalah Imam Mahdi dan pengerakan seperti ini juga semakin berluluasa hingga ke kawasan utara Nigeria (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Hal ini terjadi kerana keadaan politik yang tidak kukuh di Negara-negara Islam tertentu. Pergerakan atau fahaman ini harus ditentang supaya umat Islam tidak tersesat dari ajaran sebenar. Walaupun pergerakan sudah tiada pada masa kini, umat Islam hendaklah sentiasa peka agar pergerakan dan fahaman seperti ini tidak lagi muncul. Didikan agama hendaklah diberi kepada umat Islam sejak dari kecil lagi.

## **KEBANGKITAN SEMULA DAN FUNDAMENTALISME**

Pada zaman kini, umat Islam sedar akan kelemahan dan perpecahan yang berlaku. Terdapat negara Islam atau perkampungan Islam yang masih ditindas oleh orang lain yang lebih berkuasa. Oleh itu pelbagai usaha dijalankan untuk menguatkan dan mermatabatkan ikatan dan maruah umat Islam sehingga peringkat politik antarabangsa. Kita dapat melihat revolusi Iran 1979 dan peningkatan aktiviti Islam di Lebanon, kekuatan parti-parti Islam di Malaysia, Indonesia dan Pakistan (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Segala usaha yang dilakukan ini menyebabkan sedikit kekeliruan di Barat:

*Due to a great misunderstanding of these movements in the West, they have usually been grouped together under the name of "fundamentalism," a word originally taken from an American Protestant context and then applied to Islam and other religions.*

(Seyyed Hossein Nasr, 2003: 179)

Kemudian, terdapat juga orang yang berpegang teguh untuk menguatkan lagi pengunaan undang-undang syariah. Golongan ini juga menentang gaya pemikiran cara hidup orang barat. Sebagai contoh, kita dapat melihat dalam fahaman Wahhabi di diguna oleh ulama-ulama Islam di Arab Saudi. Fahaman ini di kuatkan lagi oleh golongan keluarga diraja Bani Saud. Pegerakan atau fahaman lain adalah seperti Salafiyyah oleh H. Asan al-Banna' pada tahun 1920 boleh dikategorikan dalam "fundamentalisme". Ikhwan al-Muslimin

*Al-Ikhwa^n al-Muslimun The Muslim Brotherhood, an organization founded in Egypt by Hasan al-Banna^ ' in 1928 as an Islamic reformist movement to return Islam to the fundamentals found in the Qur'a^n and the sunnah, and to oppose Western colonialism and imperialism. The organization was banned in Egypt in 1954, but has continued to operate underground. When the movement was founded in 1928 it spread throughout Egypt, setting up schools, hospitals, clinics, mosques, and commercial ventures, all designed to raise the standard of living of the poor. In 1936 the movement added the cause*

*of the Palestinians, which gave it more international appeal. al-Banna^ ' was imprisoned during the period of World War II because of his strong opposition to the British, one of the founding principles of the movement. After 1949, when he was assassinated, the movement continued to act against the British, particularly in the Suez Canal area. During the time of Nasser, the Brotherhood was suppressed or tightly controlled, although their energy and ideology was useful to the regime. Their belief in the supremacy of the ideal of an Islamic state and the need to act against imperialism has been a popular idea, even when Islamic governments have been afraid of the revolutionary energies of the movement. It still is a vital force in the Islamic Middle East today.*

(Gordon Newby, 2002: 97)

Gerakan ini masih kukuh di Negara-negara Islam terutamanya Mesir dan Sudan. Pegerakan Jama'at-I Islam di Pakistan yang diasaskan oleh Mawlana Mawdudi juga dapat dikategorikan sebagai "fundamentalisme" muncul selepas pembahagian Benua India. Pegerakan dan fahaman yang disebutkan berusaha untuk kembali untuk meningkatkan pengajaran Islam dalam masyarakat dan berhasrat untuk meaplikasikan undang-undang Syariah sepenuhnya secara aman kecuali dalam kes wahhabisme. Ada sesetengah pihak yang mengelarkan diri mengikut fahaman Wahhabi menjalankan aktiviti yang mempunyai unsur-unsur aktiviti melampau dan semasa pensertaan golongan diraja dalam fahaman tersebut.

Fahaman wahhabi menurut Wikipedia (2012) adalah: Fahaman ini disebut juga sebagai Wahabi atau Wahabisme. Istilah ini muncul berdasarkan nama bapa pengasasnya. Pihak British/Yahudi yang mencetuskan gelaran ini kerana melihat mereka ini sebagai ancaman terhadap penjajahan mereka. Mereka menggelar-gelarkan orang kerana hendak memecah belahkan orang Islam. Golongan awal tidak pernah mengeluarkan perkataan Wahabi atau Wahabisme. Golongan terkemudian lebih suka menyebut diri mereka sebagai salafi, Salafiah, Muhawidun yang bermaksud "satu Tuhan" dan mereka menurut pemikiran Imam Hanbali (al Hanbaliah, al-Hanabilah) dalam masalah fikah, yang merupakan salah satu mazhab dalam Ahli Sunah Wal Jamaah. Dalam hukum akidah pula, mereka berpegang kepada tafsiran Ibn Taymiyyah. Fahaman Wahabi dianggap sebagai penerusan fahaman Ibn Taymiyyah. Aliran Wahabi ini sangat

dominan di Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Somalia, Algeria, Palestin dan Mauritania.

Terdapat juga “fundamentalisme” yang lebih radikal dalam tempoh 2-3 dekad ini terutamanya sejak Revolusi Iran 1979 (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Jenis gerakan yang berkonsepkan “fundamentalisme” kebanyakannya dikaitkan dengan Barat sekarang. Gerakan seperti ini dapat dilihat di Iran yang diketuai oleh Ayatollah Khomeini. Berdasarkan Wikipedia “*Grand Ayatollah Sayyed Ruhollah Musavi Khomeini was an Iranian religious leader and politician, and leader of the 1979 Iranian Revolution which s.a.w. the overthrow of Mohammad Reza Pahlavi, the Shah of Iran.*

Selain ini terdapat juga pelbagai kumpulan Islam di Lubnan yang begerak lebih radikal. Selain itu adalah di Afghanistan dibawah Taliban yang dikenali ramai yang sebenarnya adalah hasil ilham oleh fahaman wahabi yang bertentangan dengan Syiah dan Republik Islam Iran (Seyyed Hossein Nasr, 2003). “Fundamentalisme” seperti ini selalunya sedikit terpengaruh dengan gaya pemikiran barat. Ini bukanlah satu perkara yang salah cuma jangan terpesong dari ajaran agama Islam yang sebenar. “fundamentalisme” sering mengambil pandangan orang barat terhadap politik dan revolusi mereka disamping menitik berat kemajuan teknologi yang mereka ada. Ini sebenarnya berbeza sedikit dengan konsep awal “fundamentalisme” yang hanya mengambil budaya orang barat tanpa menitik berat akan kemajuan teknologi Barat. Seperti yang saya disebutkan sebelum ini, ”fundamentalisme” seperti ini adalah berbentuk lebih radikal, oleh itu, mereka menggunakan teknologi yang mereka dapat untuk menjadi lebih berkuasa termasuklah keganasan.

*Its power is a reality in the Islamic world, but it is not a great as portrayed in most Western media, where all attempts to retain or return to Islamic principles and teachings are banded together as revolutionary and violent “fundamentalism.”*

(Seyyed Hossein Nasr, 2003: 182)

Ini memberi impak kepada seluruh umat Islam kerana kini Barat meyamakan Islam dengan keganasan. Walaubagaimanapun,

“fundamentalisme” menyebabkan tokoh yang menggerakkan Islam yang modeniasi terhasil.

## POLITIK

Islam pada zaman kini banyak dikaitkan dengan isu politik yang mementingkan pihak-pihak tertentu seperti dikaitkan dengan keganasan dan isu modeniasi yang akan dibincangkan dalam Islam dan keganasan serta keupayaan modeniasi.

### **Islam dan Keganasan**

Islam pada zaman ini juga banyak dikaitkan dengan keganasan atau *terrorism* dan juga dilabelkan sebagai penganas ataupun *terrorist*. *Terrorism* bermaksud “*inofficial or unauthorised use of violence and intimidation in the pursuit of political aims*” (Concise Oxford English Dictionary) Ini mencetuskan perasaan takut orang dari pelbagai kaum dan agama terhadap orang Islam di seluruh dunia. Tanggapan Islam sebagai penganas ini bermula sejak peristiwa 11 September 2001, iaitu serangan terhadap Amerika Syarikat, pelbagai kajian dan analisis berkaitan orang Islam dengan keganasan. Pakar psikologi, pakar peperangan, pakar sejarah, pakar sosiologi, pakar pertahanan, dan pihak media, banyak mengkaji orang Islam dengan terperinci dan hasilnya bukan sahaja pihak atasan malahan orang awam daripada seluruh dunia menumpu kepada orang Islam berkaitan dengan kejadian ini.

*Whenever I think of Muslims I think of terrorists* (Tom, Belfast 2002: 51). Mereka seolah-olah menuding jari terhadap Islam dengan keganasan ini sejak dari mula lagi. Rangkaian media massa pula banyak mengeluarkan berita dan artikel berkaitan dengan keganasan Islam meneguruhkan lagi keadaan. Kenyataan Salman Rushdie, penulis novel *The New York Times*

*Most religious belief isn't very theological. Most Muslims are not profound Koranic analysts. For a vast number of 'believing' Muslim men,*

*'Islam' stands, in a jumbled, half-examined way, not only for the fear of God ... but also for a cluster of customs, opinions and prejudices ... the sermons delivered by their mullahs of choice; a loathing of modern society in general ... and a more particularized loathing of the prospect that their own immediate surroundings could be taken over-'Westoxicated'-by the liberal Western-style way of life.*

(Salman Rushdie, 2001: 24)

Penulis menerangkan bahawa Amerika Syarikat mengaitkan keganasan pada tanggal 11 September 2001 dengan Islam. Rushdie menegaskan bahawa pengisyhtiharaan peperangan terhadap pengganas bukan peperangan terhadap Islam, tetapi tindakan Amerika Syarikat seperti sengaja untuk menjatuhkan Islam. Mereka melakukan demonstrasi dengan menyokong Bin Laden dalam mengucar-kacirkan Islam. Pengaruh Barat juga dikatakan meracuni pemikiran golongan Islam pada zaman ini. Ada yang menyatakan bahawa Israel sebagai 'Barat', tetapi mereka ditapis dari pandangan dan dikatakan melakukan kegiatan di belakang tabir.

Dari pandangan ini, ada yang percaya bahawa Barat bergiat secara bekerjasama menentang Islam dalam menakluki Timur Tengah dan mengawal segala sumber yang ada terutamanya minyak yang semakin menjadi rebutan pada zaman ini. Prinsip jajahan ini dapat dilihat dari sejarah dahulu dan sekarang. Contohnya, penaklukan Libya (1982-2000) sebagai bukti proses penjajahan dan pengembangan kuasa yang diinspirasi oleh Zionis. Kedudukan politik dan strategi Israel ada dalam ideologi tentang Israel dan hubungannya dengan Barat. Pandangan ini dinyatakan dalam ulasan ketua puak penentang Hizb Allah', Sheikh Nabil Qa'ouk, masalah Libya sama dengan masalah ketika Negeri di British yang mengisukan Pengisyhtiharan Balfour dan memihak kepada puak Yahudi. Akhirnya, puak Yahudi mempengaruhi British dan Amerika Syarikat ketika mereka mengembangkan kuasa. Perspektif ini seperti 'pertembungan peradaban kemanusiaan' di antara Islam dan Barat (Sheikh Nabil Qa'ouk, 2000).

Hubungan antara Islam dan keganasan pada masa lampau juga dikekalkan dan diguna pakai sebagai cara untuk memahami terma keganasan agama moden. Hoffman, seorang penulis berkata hubungan

antara masa silam dan kini tentang keganasan Islam dapat dibuktikan, iaitu hubungan antara keganasan antarabangsa ke arah memodenkan gerakan agama. Maksudnya ialah peningkatan keganasan agama sebagai cara untuk meluaskan pengaruh Islam di seluruh dunia dengan apa cara sekalipun (Hoffman, 1998). Hal ini jelas sekali cara bagaimana Barat mahu meracuni pemikiran orang di seluruh dunia terhadap keganasan yang dilakukan oleh orang Islam.

### **Keupayaan Modenisasi**

Aktiviti dunia Islam dalam beberapa abad yang lalu banyak melalui konsep yang lebih moden tetapi masih menggunakan konsep agama dalam aktiviti mereka. *Like secular Muslims, Islamic reformers were influenced by the challenge and threat of the “success of the West.” The West was strong; Muslims were weak and subject to Western domination* (John L. Esposito, 2010: 92). Jika kita lihat teknologi dan pendidikan di barat kini, ia banyak diguna pakai oleh kebanyakan Negara Islam. Ini bukanlah hal yang besar asalkan tidak melupakan konsep atau terpesong dengan Islam (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

Terdapat sesetengah pihak yang yakin akan kekuatan Islam, terus bertahan pada zaman ini dengan bergantung kepada modenisasi. Perkara ini berlaku akibat impak daripada Eropah yang semakin dominasi di dunia ini dirasa oleh seluruh umat Islam di dunia ini pada awal abad 19.

*Reformists are clergy, as well as intellectuals and activists; rulers and citizens, both traditionalist and modernist. They can be found at Islamic institutes and universities, at academic and religious conferences, and in parliamentary debates.*

(John L. Esposito, 2010: 89).

Banyak cendiakawan atau ahli falsafah dan ulama terlahir untuk memodenisasikan teologi Islam yang bertentangan dengan konsep institusi politik Islam tradisional yang sedia ada kerana tersebut bertujuan untuk menyatukan umat Islam. Antaranya Muhammad ‘Abduh dan gurunya Jamal al-Din Astrabadi atau dikenali dengan al-Afghani (Peter

S. Groff, 2007). Untuk maklumat, Muhammad Abduh dilahirkan di Delta Nil sekitar wilayah Mesir dan meninggal pada 11 Julai 1905 di Iskandariyah juga sekitar wilayah Mesir kini sewaktu umurnya 55/56 tahun manakala gurunya Jamal al-Din dilahirkan pada 19 Jun 1836 di Asadabad, Iran dan meninggal pada 1 September, 1897 pada umur 59 di Istanbul, Empayar Ottoman (Wikipedia, 2012). Konsep memodenisasikan ini bertentangan dengan konsep institusi politik Islam tradisional yang sedia ada tetapi ia bertujuan untuk menyatukan umat Islam. Dalam Empayar Ottoman, satu arahan dikeluarkan untuk memodenesasi undang-undang Islam dan kemudiannya memberi kesan kepada Parsi dan juga dibawah jajahan kolonial Eropah. Revolusi perlembagaan 1323/1906 terjadi oleh idea-idea politik parsi Eropah dan penghasilan parlimen pertama dalam dunia Islam yang mempunyai kuasa melebihi undang-undang yang diluluskan oleh ahli ulama. Selain itu, usaha memodenisasikan pendidikan Islam di India dimulakan oleh Sayyid Ahmad Khan (John L. Esposito, 2010).

Banyak peningkatan terus dilakukan dalam usaha memodenisasikan Islam sepanjang abad 19. Di Turkey, pada 1922, Ataturk mengakhiri Empayar Ottoman dan mencadangkan Islam sekular yang dijalankan dan dipertahankan oleh Zia Gokalp (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Selain itu, muslim India Muhammad Iqbal mengerakkan reformasi Islam yang akhirnya membentuk Negara Islam Pakistan (John L. Esposito, 2010). Beliau juga banyak membantu dalam usaha membangkitkan umat Islam melalui puisi-puisi yang ditulisnya semasa beliau menetap di Parsi dan juga Urdu. Hasil kerjanya banyak terpengaruh dengan falsafah Barat terutamanya pandangan Jerman pada abad ke-19.

Fahaman Marxisme mula mempengaruhi Parsi dan orang Arab yang ingin modenisasikan Islam semasa perang dunia ke 2 berakhir. Islam dan sosial orang arab semakin dikenali semasa kejatuhan Persatuan Soviet. Terdapat juga beberapa muslim yang belajar di barat mula terpengaruh dengan gaya pemikiran dan fahaman ahli fikir Barat yang kemudiannya berlaku perselitian dan menkritik Islam tradisional dalam hal hukum-hukum Islam (Seyyed Hossein Nasr, 2003). Antaranya dalam bidang hadis, al-Quran, dan syariah. Di Pakistan, terdapat gerakan yang tidak

bersatuju hadis-hadis sedia ada manakala sudan pula hanya ingin mengikuti fakta menarik yang dikeluarkan oleh Mekkah. Islam tradisional juga dikritik oleh golongan orang Islam yang ingin memodenisasikan Islam dari pelbagai aspek antaranya dari segi masyarakat, kesusasteraan, dan hak asasi manusia, malah terdapat juga sesetengah pihak yang mencuba menyamakan Islam dan fahaman Marxisme (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

Konsep dan gaya pemikiran ingin memodenisasikan Islam terus berkembang dalam beberapa tahun sebelum ini, tetapi ia tidak memberi impak besar kepada agama Islam. Hanya melalui institusi pendidikan dan pefileman, konsep modenisasi meberi impak kepada gaya pemikiran kehidupan sehari-hari kita kepada yang lebih moden.

Kebangkitan Islam tradisional yang mempunyai pefahaman bertentangan dengan konsep modenisasi banyak memberi kesukaran kepada keupayaan modenisasi . Pada masa yang sama, “fundamentalisme” juga meberi kesukaran kepada keupayaan untuk modenesasi walaupun “fundamentalisme” selalunya kekurangan sumber-sumber intelek yang dapat menandingi golongan yang ingin modenisasi Islam.

## SOSIAL

Gejala sosial Islam pada zaman kini juga banyak dipengaruhi oleh Barat dan isu-isu semasa seperti pengaruh barat, kemiskinan, konflik rumah tangga, layanan buruk terhadap anak dan pengaruh rakan, dan bahan dan kelakuan lucah.

### Pengaruh Barat

Perubahan masyarakat atau kaum ke arah kemodenan selalu dianggap dan dilihat sebagai perubahan pada seni bina dan pembangunan manakala perubahan pada diri dianggap seperti memakai pakaian moden dan cara percakapan. Kita percaya bahawa setiap Negara yang moden dan maju akan bertambah baik dengan mencampurkan budaya-budaya Barat dan pemahaman, pertuturan, institusi, dan perwatakan sekular (John L. Esposito, 2010: 59), tetapi itu hanyalah rancangan dan strategi Barat untuk menjatuhkan Islam. Aktivis Islam seperti

Egypt's Muslim Brotherhood and South Asia's Jamaat-i-Islami mengingati amaran pelopor mereka tentang imperialisme Barat, sekularisma, dan institusi gereja:

*The West surely seeks to humiliate us, to occupy our lands and begin destroying Islam by annulling its laws and abolishing its traditions. In doing this, the West acts under the guidance of the Church. The power of the Church is operative in orienting the internal and foreign policies of the Western bloc, led by England and America.*

(Egypt's Muslim Brotherhood, t.t.: 61)

Amaran pelopor Egypt's Muslim Brotherhood ini memberitahu bahawa model kemodenan yang ditunjukkan oleh Barat banyak menipu dan melemahkan orang Islam. Banyak yang memujuk supaya Islam kembali ke prinsipnya yang asal (John L. Esposito, 2010: 61).

### Kemiskinan

Kemiskinan orang Islam di beberapa tempat juga dapat dilihat pada zaman ini terutamanya di Negara yang dijajah oleh Barat seperti Iraq. Negara lain juga terdapat kemiskinan dan ini amat ditegah oleh Islam kerana sepatutnya orang Islam saling membantu sama lain. Kemiskinan memberi impak besar kepada kanak-kanak. Hal ini kerana mereka mungkin melarikan diri dari rumah kerana ibu bapa tidak dapat memenuhi kemahanuan mereka. Kemungkinan mereka untuk terlibat dan bergaul dengan orang salah juga tinggi, mereka mungkin melakukan kerja yang haram untuk mendapat wang, dan ini akan menyebabkan kerosakan akhlak mereka ketika mereka membesar ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000: 58).

مَثُلُّ الدِّينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ

سَبَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Maksud: "Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap bulir

*seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Mahaluas (karuniaNya) lagi Maha Mengetahui.”*  
(Surah *al-Baqarah*, 2:261)

Ayat ini menerangkan bahawa siapa yang menafkahkan hartanya kepada yang memerlukan tanpa perasaan riak dan mengungkit-ungkit, maka mereka akan mendapat ganjaran yang tidak terkira besarnya. Orang Islam digalakkan membantu orang yang dalam kesusahan dan memerlukan.

### **Konflik Rumah Tangga**

Islam pada zaman ini terdapat banyak penceraian. Hal ini banyak disebabkan oleh konflik rumah tangga yang berlaku pada zaman ini. Apabila berlakunya konflik rumah tangga, kemungkinan anak-anak akan melihat konflik ini, mereka akan menjadi tertekan di rumah dan mereka akan meluangkan lebih masa bersama kawan ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000: 59). Jika kawan mereka membawa pengaruh yang tidak baik, dengan serta merta mereka akan turut terpengaruh oleh kerana tekanan di rumah dan tiada ibu bapa untuk membimbangi mereka.

Konflik rumah tangga ini juga boleh menyebabkan penceraian yang seringkali dengar dan menjadi satu perkara yang biasa dalam hidup orang Islam. Islam mencegah penceraian kerana ia sesuatu yang keji. Sepatutnya, pada zaman moden ini, memilih pasangan hidup ialah sangat penting. Suami dan isteri dalam rumah tangga mempunyai tanggungjawab masing-masing, antaranya:

- (1) Isteri haruslah mentaati suami, menjaga harta suami, dan tidak boleh menolak pelawaan suami.
- (2) Suami pula mestilah memberi nafkah kepada anak dan isteri, berbincang dengan isteri masalah di rumah, melayan baik isteri, dan menolong isteri di rumah.

Apabila perkara-perkara ini dilakukan dan dipatuhi, rumah tangga mungkin akan kekal bahagia. Apabila isteri itu berkelakuan tidak baik, terdapat beberapa cara untuk memberi pengajaran, iaitu nasihat dan petunjuk, jika gagal, tidak melayan di katil, jika gagal, memukul

sedikit supaya tidak meninggalkan kesan dan mengelak tempat seperti muka. Jika gagal, berjumpa dengan ibu bapa mertua dan berbincang demi kesejahteraan masing-masing ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000: 60). Hal ini sepatutnya dilakukan tetapi ramai orang Islam sekarang ini tidak mengikut cara yang betul dan melakukan apa yang mereka rasakan betul. Apabila isteri tidak menghormati suami, suami akan terus memukul sehingga meninggalkan kesan terhadap isteri, ini yang sedang berlaku di dunia Islam pada zaman ini, oleh kerana inilah penceraian berlaku.

### **Layanan Buruk Terhadap Anak dan Pengaruh Rakan**

Islam berpesan supaya mengawasi, menasihati, serta membimbangi anak-anak ke jalan yang benar dan tidak terjebak dengan rakan yang membawa pengaruh yang tidak baik ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000: 61). Realiti adalah sebaliknya, ibu bapa terlalu memanjakan anak-anak sehingga mereka pandai bersikap biadap. Ibu bapa juga tidak mengawasi mereka, menyebabkan pergaulan mereka yang tidak terbatas dan merosakkan akhlak anak-anak. Pergaulan yang bebas serta tekanan di rumah adalah antara punca utama golongan Islam pada zaman sekarang terlibat dengan gejala judi, arak dan dadah.

Gejala ini menyebabkan ketagihan dan seterusnya merosakkan kehidupan golongan Islam pada zaman ini. Dadah dikatakan adalah musuh utama Negara dan banyak pusat pemuliharan dibina untuk membantu golongan yang terlibat dengan dadah. Arak pula semakin tidak terkawal, banyak kelab ditubuhkan dan menghidangkan minuman keras ini. Arak adalah minuman yang diharamkan kerana ia menyebabkan peminum mabuk dan hilang kewarasannya untuk tempoh yang tertentu ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000: 97). Pusat judi juga semakin bertambah walaupun di Negara Islam, dan kesannya adalah amat mendalam. Ada yang muflis disebabkan judi. Keharaman perkara-perkara ini disebut dalam al-Quran:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ مَاءْمَنُوا إِنَّمَا الْخَنْفُرُ وَالْمَبِيسُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَلْزَامُ يَرْجِسُونَ عَمَلِ  
الشَّيْطَنِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٦٠

يَنْكُمُ الْعَدُوَّةُ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدُّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ  
الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْثُونَ ﴿٦﴾

*Maksud: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud muah menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu Dengan sebab arak dan judi, dan muah memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara Yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?*

(Surah al-Maidah, 6: 90-91)

Ada pula ibu bapa yang melayan buruk anak-anak mereka, iaitu melayan dengan kekejaman, kekerasan, penderaan, dan penyeksaan. Anak-anak akan berasa takut dan sentiasa tertekan. Islam menyuruh supaya melayan anak dengan penuh kasih sayang, supaya mereka boleh membesar dengan penuh rasa cinta, bermaruah, serta berakhhlak baik(‘Abdullah Nasih ‘Ulwan, 2000: 62).

### Bahan dan Kelakuan Lucah

Pada zaman sekarang, bahan lucah adalah seperti perkara yang biasa sewaktu membesar, remaja dan ada juga yang masih tadika sudah melihat gambar dan video lucah. Perkara ini sememangnya menyebabkan kerosakan akhlak pada remaja kerana semasa muda, perasaan ingin tahu yang meluak-luak akan membolehkan mereka terlibat dengan maksiat. Mereka akan mempraktikkan apa yang mereka lihat dengan cara hidup mereka(‘Abdullah Nasih ‘Ulwan, 2000: 63). Kaca televisyen juga sekarang ini banyak menayangkan video yang berunsurkan keluahan. Zaman ini, terutamanya orang Islam juga sudah banyak terjebak dengan gejala Barat ini dan kegiatan buang anak di Malaysia sudah semakin meningkat. Kegiatan zina juga sering menjadi topik utama

dalam majalah dan suratkhabar, ini menunjukkan zaman moden ini penuh dengan perkara yang melibatkan dosa dan ini menambah lagi cabaran kepada orang Islam pada zaman ini.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mencegah perkara ini daripada merosakkan golongan muda yang masih mentah dan selalu membuat kesilapan. Mereka berperanan memberi nasihat, dan melarang anak daripada membeli majalah dan video berunsur lucah. Guru juga perlu membimbing pelajar di sekolah tentang perkara ini. Pengaruh Barat seringkali menjadi masalah dan remaja sering menganggap perkara ini sebagai satu peralihan zaman. Satu lagi masalah berkaitan dengan kelakuan lucah pada zaman ini ialah onani pada usia yang muda. Onani adalah perbuatan melepaskan nafsu terhadap diri sendiri. Antara sebab utama adalah muncul perasaan ghairah apabila melihat perempuan berpakaian seksi dan terdedah, melihat bahan-bahan lucah ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000: 92). Onani mempunyai banyak kesan sampingan:

- (1) Kesan fizikal seperti kepenatan, dan masalah jantung.
- (2) Kesan seksual seperti tidak dapat berkahwin atau tidak dapat memuaskan isteri.
- (3) Kesan psikologi dan mental seperti tekanan, lupa, dan tidak tenang.

Onani boleh membawa kepada penyakit yang serius yang boleh menyebab kepada kematian dan masalah rumah tangga. Ia juga boleh memberi kesan sampingan kepada mental.

## RUMUSAN

Gambaran besar dapat dilihat dalam kehidupan umat Islam yang mempunyai kepercayaan dan mengamalkan tradisi intelek dan rohani walaupun dimana cabaran besar harus dipikul pada zaman sekular ini. Pelbagai cabaran dan masalah yang perlu dihadapi oleh umat Islam sekarang . Walaubagaimana pun, umat Islam masih perpegang teguh pada ajaran asal Islam supaya ia tidak sesat atau terpesong. Umat Islam masih berpegang teguh pada al-Quran yang diturunkan beberapa

abad yang lalu. Masyarakat Islam ialah golongan masyarakat yang mendominasi kebanyakan sekolah dan institusi, iaitu golongan yang lebih besar daripada masyarakat pada zaman kini. Islam pada zaman ini pada realitinya menempuh pelbagai dugaan dan cabaran. Tradisi Islam yang terikat lama sejak penurunan al-Quran lebih 14 abad yang lalau menunjukkan jalan yang benar kepada orang Islam. Kebanyakan orang Islam pada zaman ini berusaha untuk menyampaikan pesanan, hidup dan memenuhi apa yang dikehendaki oleh Allah tidak kira apa pun halangan tanpa melupakan segala apa yang dikehendaki dan dilarang oleh Allah. Agama Islam adalah agama terbaik bagi saya sehingga memberi kebebasan kepada agama lain dari segi kepercayaan dan penyembahan mereka (Mustafa al-Tahan, 1999).

## RUJUKAN

- 'Abdullah Nasih 'Ulwan. 2000. *Child Education in Islam*. Cairo: Dar al-Salam.
- Beverly Milton-Edwards. 2006. *Islam and Violence in the Modern Era*. New York: Palgrave Macmillan.
- Newby G.D. 2012. *A Concise Encyclopedia of Islam*. India: Thomson Press Ltd
- Groff S. Peter. 2007. *Islamic Philosophy A-Z*. Great Britain: Antony Rowe Ltd, Chippenham, Wilts.
- John L. Esposito. 2010. *The Future of Islam*. New York: Oxford University Press, Inc.
- Muhammad M. al-Hudaibi. 1997. *The Principles of Politics in Islam*. Cairo: Islamic Inc.
- Mustafa al-Tahan. 1999. *Perfect Muslim Character In Modern World*. Cairo, Mesir: El-Falah Foundation.
- Seyyed Hossein Nasr. 2003. *Islam- Religion, History, and Civilisation*. Canada: HarperCollins Publishers Ltd.
- Wikipedia. 2012. *Imam Mahdi*. [http://ms.wikipedia.org/wiki/Imam\\_Mahdi](http://ms.wikipedia.org/wiki/Imam_Mahdi). 20, 3, 2012).
- Wikipedia. 2012. *Jamal al-Din al-Afghani*. [http://en.wikipedia.org/wiki/Jamal-al-Din\\_al-Afghani](http://en.wikipedia.org/wiki/Jamal-al-Din_al-Afghani). 12, 2, 2012).

- Wikipedia. 2012. *Muhammad Ahmad*. [http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad\\_Ahmad](http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Ahmad). 11, 2, 2012).
- Wikipedia. 2012. *Ruhollah Khomeini*. [http://en.wikipedia.org/wiki/Ruhollah\\_Khomeini](http://en.wikipedia.org/wiki/Ruhollah_Khomeini). 20, 2, 2012).
- Wikipedia. 2012. *Wahabi*. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Wahabi>. 11, 2, 2012).
- Wikipedia. 2012. *Muhammad Abdurrahman*. [http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad\\_Abdurrahman](http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Abdurrahman). 12, 2, 2012).